

## Pameran Hati Seorang Guru

### Pengenalan

“Orang yang paling saya ingat dalam hidup saya ialah orang yang memberi kesan paling besar kepada saya sebagai seorang pelajar. Bukan [kerana] mereka itu adalah guru yang paling cekap dan paling berkelayakan dalam tugas mereka, tetapi kerana mereka benar-benar memberikan yang terbaik serta sangat mengambil berat terhadap semua murid mereka dan secara peribadi, itu yang merupakan bahagian [yang] saya ingat.”

Lee Kuan Yew

Perdana Menteri pengasas Singapura

Ramai di antara kita mempunyai kenangan indah tentang guru-guru kita. Kita mengingati mereka atas pelbagai sebab yang berbeza – semangat dan kesungguhan kepada mata pelajaran mereka; bagaimana mereka menyemarakkan minat kita untuk belajar; frasa kesayangan mereka dan gaya yang tidak dapat ditiru; sifat jenaka mereka; atau perbualan yang menyentuh hati dan banyak lagi. Tetapi di sebalik semua ini, kenangan kita yang paling jelas dan mengharukan tentang guru kita ialah hati mereka untuk kita, pelajar mereka.

Apa yang ada dalam hati seorang guru?

Apakah yang memperkasakan guru untuk membimbing pelajar dalam menemukan kekuatan dan identiti mereka? Apakah yang memberi inspirasi dan pendorong kepada guru dalam perjuangan mereka?

Ikuti perjalanan bersama lapan orang guru di Singapura dari tahun 1950-an hingga hari ini – ikuti perjuangan mereka untuk setiap dekad yang mereka lalui. Melalui kaca mata mereka, ikuti bagaimana pengajaran disampaikan dan dirasakan semasa zaman mereka, dan nilai serta keyakinan yang menambat mereka.

Sambil anda mengimbas halaman demi halaman dalam pameran ini yang digayakan seperti sebuah buku, temui erti menjadi seorang guru di Singapura melalui peredaran masa, dan semangat koleksi tujuan dan misi yang mendorong guru-guru kita sepanjang dekad-dekad yang lalu.

Pameran ini dipersembahkan oleh:



## **1950-an - Puan Ethel Dorothy Desker**

Saya adalah Pengetua Sekolah Petang Playfair, sebuah sekolah rendah satu tingkat yang dikelilingi pondok setinggan di tengah-tengah Tai Seng, kawasan yang terkenal dengan kegiatan samseng. Ini adalah jawatan pertama saya sebagai Pengetua, dan saya mempunyai hampir 550 orang murid di bawah jagaan saya.



Puan Desker (1910 – 2005) mula mengajar pada tahun 1926 sejurus sebelum beliau berumur 16 tahun, dan bersara sebagai Pengetua Sekolah Perempuan Haig pada tahun 1965. Beliau adalah Pengetua Sekolah Petang Playfair dari 1953 hingga 1956.

*Ihsan dari Sekolah Perempuan Haig.*

### **Sehari dalam HidupKu**

Saya bermula sebagai Pengetua pada tahun 1953, baru dari tugas mengajar saya. Saya tiada kerani dan terpaksa menguruskan sekolah itu sendiri. Ada kalanya saya rasa sunyi. Saya ingin tahu sama ada keputusan saya betul atau tidak, tetapi tiada sesiapa untuk saya dapatkan nasihat. Semasa saya menjadi seorang guru, saya tidak mempunyai rakan sejawat yang boleh saya tanya sama ada saya melakukan sesuatu atau mengajar sesuatu dengan betul. Syukurlah, saya dapat berkawan dengan Pengetua lain tidak lama selepas itu.

Saya banyak menghabiskan masa mengajar kanak-kanak untuk menghapuskan tabiat buruk mereka membuang sampah sembarangan, menyalahgunakan dan tidak menjaga kebersihan tandas, serta mencuri sesama sendiri. Saya sentiasa percaya dengan cara teguran yang lebih lembut. Saya tidak suka bercakap secara kasar, walaupun kepada pelajar sekolah. Sesetengah orang mempunyai bakat terpendam – banyak yang boleh kita pelajari dengan memerhatikan mereka.



Kelas Darjah II di Sekolah Petang Playfair, 1952.

*Koleksi Chang Kwang Seh, ihsan dari Lembaga Perpustakaan Negara.*

### Menjaga Murid Saya

Setiap hari, saya ke kantin sekolah untuk memeriksa sama ada penjaja memberi makanan yang cukup berkhasiat kepada murid kami dan tidak mengenakan bayaran yang terlalu tinggi. Saya menasihatkan seorang penjaja untuk membeli tulang-tulang yang besar untuk dimasak kuah supaya murid-murid kami dapat menjadi kuat dan sihat.

Pemeriksaan yang saya lakukan banyak mengambil masa saya yang sepatutnya saya habiskan di pejabat. Tetapi tiada cara lain. Pelajar-pelajar perlu di jaga dahulu. Ia adalah perkara yang paling penting untuk saya lakukan.

Sebahagian daripada murid saya adalah daripada keluarga yang sangat miskin. Untuk mendapatkan mereka pakaian bersih, saya membuat sendiri pakaian seragam mereka. Ia mengambil sedikit masa saya, jadi saya meminta guru untuk membantu. Apabila saya mempunyai masa lapang, saya akan memotong kain untuk dijadikan pakaian seragam dalam tiga saiz: kecil, sederhana dan besar.



Murid-murid Darjah IV di Sekolah Petang Playfair, 1954.

Koleksi Chang Kwang Seh, ihsan dari Lembaga Perpustakaan Negara.

### Tugas yang Menakutkan

Apa yang menjadi kebimbangan saya ialah tugas mengutip yuran sekolah. Apabila selesai mengutip yuran, waktu sudah pun lewat dan saya tidak boleh pergi ke bank. Saya perlu membawa pulang wang itu. Pada suatu hari, saya hampir-hampir dirompak. Saya terlihat samseng-samseng memandang saya, tetapi saya terus berjalan seolah-olah tiada apa-apa dalam beg tangan saya.

Setelah pulang, saya menyembunyikan beg tangan saya itu di dalam bakul kain yang kotor supaya pencuri tidak menjumpainya jika mereka memecah masuk rumah saya. Siapa yang mahu menyentuh kain kotor? Keesokan paginya, saya terus pergi ke bank dan masukkan wang. Tidak kira betapa takut pun saya, saya perlu terus berani.



Pemandangan Paya Lebar Road, berhampiran Sekolah Playfair, 1955.

Koleksi F. W. York, ihsan dari Arkib Negara Singapura.

## Kenangan Berharga

Anak-anak murid saya tidak pernah ke pantai di Katong sebelum ini, walaupun ia terletak berdekatan. Mereka tidak tahu mana-mana tempat di luar kawasan kejiranan mereka sendiri. Saya meminta guru-guru saya menganjurkan perkelahan di tepi laut. Murid-murid saya tidak mampu berkelah, jadi saya menghubungi Inspektor Sekolah dan mendapatkan kebenaran untuk menggunakan dana sekolah saya. Murid-murid pergi berbekalkan nasi lemak dan minuman yang disediakan! Mereka sangat teruja, sungguh menggembirakan melihat mereka pergi menaiki bas.

Satu lagi pengalaman yang tidak pernah dialami oleh murid-murid saya ketika itu ialah Hari Sukan sekolah. Mereka gembira apabila saya menganjurkannya. Kami memilih untuk tidak memberikan piala, sebaliknya sesuatu yang berguna kepada murid-murid. Kami menghadiahkan mereka kasut getah, stokin, baju, beg sekolah dan sapu tangan.

	<p>Murid-murid Sekolah Petang Playfair sedang bersiar-siar ke pantai, 7 Jun 1954. <i>Koleksi Chang Kwang Seh, ihsan dari Lembaga Perpustakaan Negara.</i></p>
	<p>Pelajar-pelajar perempuan bersiap sedia untuk lari pecut di Hari Sukan Sekolah Petang Playfair, 27 Mei 1954. <i>Koleksi Chang Kwang Seh, ihsan dari Lembaga Perpustakaan Negara.</i></p>

## Saya Adalah Apa yang Anda Bentukkan

Semasa membesar, saya tidak terfikir untuk menjadi seorang guru. Tetapi kemudian saya menyedari bahawa mengajar memberi saya banyak kepuasan. Saya suka bersama kanak-kanak, dan saya sangat gembira apabila murid-murid datang untuk berkata, "Saya adalah apa yang andajadikan saya."

*Diadaptasi daripada:*

*Temu bual dengan Puan Ethel Dorothy Desker oleh Pusat Sejarah Lisan, Arkib Negara Singapura, No. Akses 000436, 1984 – 1985.*

	<p>"Sesetengah orang mempunyai bakat tersembunyi – banyak yang boleh kita pelajari daripada mereka."</p>
--	--

### Barang-barang Pameran

	<p>Beg sekolah s. 1950-an – 1970-an</p> <p><i>Koleksi dari Pusat Warisan MOE.</i></p> <p>Beg sekolah ini dahulunya mengandungi buku teks dan alat tulis pelajar. Sebelum beg galas digunakan secara meluas di Singapura, pelajar membawa beg seperti ini ke sekolah.</p>
	<p>Tiga orang murid sekolah beruniform menunggu untuk melintas jalan. Yang paling tua (paling kiri) membawa beg sekolah yang biasa pada zaman itu, s. 1965 – 1970.</p> <p><i>Koleksi George W. Porter, ihsan dari Arkib Negara Singapura.</i></p>
	<p><i>Janet and John, Buku Satu (Kulit)</i>  <i>Janet and John, Buku Dua (Muka Tengah)</i>  s. 1950</p> <p><i>Terbitan semula oleh Koleksi Pusat Warisan MOE .</i></p> <p>Buku bacaan awal siri <i>Janet and John</i> untuk kanak-kanak ini mengajar bahasa Inggeris melalui pendekatan "lihat dan sebut". Kanak-kanak membaca dan mengenali keseluruhan perkataan dan bukan secara suku kata.</p>

### **1960an – Cik Nanda Bandara**

Saya adalah seorang guru Sains dan Matematik baru yang bertauliah di Sekolah Perempuan Haig di Katong. Pada hari pertama saya pada tahun 1960, saya melangkah masuk ke kelas Darjah 6, sambil diperhatikan oleh 44 pasang mata. Pada usia 22 tahun, saya hanya sekitar 10 tahun lebih tua daripada murid-murid saya – bagaimana saya boleh menguruskan mereka?



Cik Bandara (1938 – ) memulakan kerjaya gurunya di Sekolah Perempuan Haig dalam 1960 pada usia 22 tahun. Pada tahun 1975, beliau dinaikkan pangkat sebagai Pengetua Sekolah Perempuan Haig. Cik Bandara bersara pada penghujung tahun 1998.

*Ihsan dari Sekolah Perempuan Haig.*

### **Melakukan apa sahaja untuk Meningkatkan Pembelajaran**

Saya cuba menjadikan mata pelajaran saya semenarik mungkin. Adalah lebih baik jika saya mempunyai alat bantu pembelajaran, jika tiada, saya akan menghasilkan carta buatan tangan saya sendiri. Saya dan rakan sekerja mengutip batu-batu, penutup botol dan juga biji saga unutuk membantu murid-murid mengira. Saya menggunakan pelbagai cara untuk mereka memahami dan mengingati apa yang dipelajari.

Semasa saya membesar, saya melihat bunga mekar, pokok tumbuh dan katak di sekeliling saya kerana saya tinggal di tempat yang dikelilingi oleh tumbuhan dan haiwan tersebut. Kebanyakan murid saya tidak dapat membayangkannya. Itulah sebabnya saya mendapat gambaran untuk membina Taman Sains, supaya kanak-kanak ini boleh melihat sendiri perkara-perkara ini. Semasa mengajar, saya membawa murid-murid ke sana untuk menanam dan memerhatikan tumbuhan. Kami belajar cara membuat inkubator menggunakan mentol lampu supaya kami dapat melihat bagaimana proses perkembangan penetasan telur ayam dan itik. .

Kami tidak mempunyai kolam, jadi murid-murid tidak dapat melihat perbezaan antara berudu, katak dan kodok. Peluang datang apabila saya berpindah dari rumah saya ke flat HDB. Saya ternampak sebuah tab mandi besar dibuang di kolong flat, dan berfikir kami boleh menanamnya di dalam tanah. Ia sesuai sebagai kolam eko. Pekerja kedai buku dan tukang kebun sekolah datang membantu saya pada hujung minggu. Kami mengumpul tanaman air dari Sekolah Menengah Chung Cheng, dan memelihara katak dan kodok. Seronok melihat kanak-kanak belajar dalam persekitaran di mana mereka boleh melihat spesimen hidup dalam ekosistem.

Kami juga pelihara arnab, dan murid-murid sangat sayangkannya. Apabila seekor daripada arnab-arnab itu mati, murid-murid menangis dan tidak dapat menumpukan perhatian pada pelajaran mereka. Apa yang boleh saya lakukan? Saya menjalankan upacara perkebumian arnab tersebut selepas kelas. Murid-murid membawa banyak bunga, dan menangis sehingga saku tangan mereka basah.



Alat bantu pembelajaran dipamerkan di Maktab Perguruan, 1956.

*Koleksi dari Kementerian Penerangan dan Kesenian, ihsan dari Arkib Negara Singapura.*



Murid-murid Sekolah Perempuan Haig dengan arnab yang mereka pelihara di sekolah, s. 1981.

*Ihsan dari Sekolah Perempuan Haig.*

#### Berat Sama Dipikul, Ringan Sama Dijinjing

Terdapat murid yang datang ke sekolah tanpa bersarapan. Kami menjerang air panas, kacau susu tepung dari guni besar yang disediakan ke sekolah, dan menghidangkan susu kepada mereka. Selepas masa rehat, kanak-kanak menggosok gigi di tepi longkang. Kami mengajar mereka cara menggosok gigi dengan betul supaya mereka mempunyai kebersihan gigi yang baik.

Sesetengah kanak-kanak berasal dari keluarga yang tidak menganggap sekolah itu penting. Beberapa murid saya perlu membantu ibu bapa mereka yang bekerja sebagai penjaja pada waktu pagi sebelum bergegas ke sekolah. Mereka tidak mempunyai masa untuk berehat atau membuat kerja sekolah. Saya mengajak ibu bapa mereka yang sibuk untuk datang berjumpa saya. Kami berjanji untuk membantu satu sama lain supaya anak-anak mereka sekurang-kurangnya mendapat sijil tamat sekolah rendah.

Saya sentiasa mengajar murid-murid saya yang lebih pandai untuk membantu murid yang lebih lemah. Pada mulanya, ia agak sukar kerana mereka merasakan bahawasanya dari perkongsian mereka akan rugi, tetapi saya memberitahu bahawasanya mereka akan belajar dan menjadi lebih baik jika mereka mengajar orang lain. Secara beransur-ansur, murid yang lebih berilmu bertambah cemerlang, dan

mereka yang lemah tidak merasa tersisih. Prestasi mereka meningkat sebagai sebuah pasukan, dan kami berjaya mengekalkan taraf yang lebih tinggi.

	Kanak-kanak menerima susu pada masa rehat, 1950-an.  <i>Koleksi dari Kementerian Penerangan dan Kesenian, ihsan Arkib Negara Singapura.</i>
	Murid-murid Sekolah Perempuan Haig memberus gigi selepas masa rehat, s. 1981.  <i>Ihsan dari Sekolah Perempuan Haig.</i>

### Membuat Kemajuan

Jika saya membuat keputusan, saya pastikan saya melakukannya dengan sebaik mungkin. Saya mendapat kepuasan daripada melakukan sesuatu untuk manfaat murid-murid dan rakan sejawatan saya. Ia bukan untuk kepentingan diri saya sendiri, tetapi untuk melihat orang lain belajar dan berkembang.

Saya suka melihat orang mencari kemajuan. Jika anda berikan perhatian dan tumpuan kepada kekuatan serta membimbing mereka, mereka akan menjadi pelajar yang lebih baik ataupun guru yg hebat. Selagi mereka berusaha dalam kerja mereka, saya tabik kepada mereka.

	Cik Bandara (duduk di tengah) dan murid-murid Darjah 3, 1972.  <i>Ihsan dari Sekolah Perempuan Haig.</i>
---	--

*Diadaptasi daripada:*

*Temu bual bersama Nanda Bandara oleh Pusat Sejarah Lisan, Arkib Negara Singapura, No. Akses 004583, 2020.*

*Nanda Bandara, "Setiap kanak-kanak boleh berjaya", Cabaran PSD, 26 Nov 2014.  
Penerbitan Ulang Tahun ke-70 Sekolah Perempuan Haig, 2021.*

<p><i>If you draw attention to where you see their strengths are and guide them, they become better pupils or better teachers.”</i></p>	<p>“Jika anda berikan perhatian dan tumpuan kepada kekuatan serta membimbing mereka, mereka akan menjadi pelajar yang lebih baik ataupun guru yg hebat.”</p>
---	--

### **Barang-barang pameran**


	<p>Kotak spesimen percambahan benih 1950 <i>Koleksi dari Pusat Warisan MOE.</i> Kotak spesimen ini menunjukkan pelbagai peringkat percambahan benih kacang merah, bijirin jagung India dan kacang. Penerangan menunjukkan ciri-ciri anak benih di setiap peringkat, dan tahap ketinggiannya berbanding paras tanah.</p>
---	---

### **Multimedia – Skrin TV, 2 video berulang**

	<p>Hari-hari Awal Mengajar (02:26) Menjadikan Pembelajaran Menjadi Hidup (03:49) <i>Ihsan dari Sekolah Perempuan Haig.</i> Dalam dua video ini, Cik Bandara mengimbaskan kembali hari-harinya sebagai seorang guru muda yang baru bertauliah di Sekolah Perempuan Haig. Beliau menerangkan tentang Pengetuanya, Puan Ethel Dorothy Desker, dan penggunaan alat pembelajaran. Cik Bandara menceritakan bagaimana beliau menggunakan tab mandi lama untuk mencipta kolam eko, dan menjalankan upacara menanam arnab peliharaan murid-muridnya di Taman Sains.</p>
---	---

### 1970-an – Encik Mok Chack Eng

Saya menyertai Sekolah Tinggi Pemerintah Bukit Panjang pada tahun 1976 sebagai guru Bahasa Inggeris dan Ilmu Alam dalam aliran Inggeris. Pada tahun 1978, saya bertukar ke aliran Cina untuk mengajar Fizik dan Matematik.



Encik Mok (1934 – 2005) dilahirkan di Muar, Malaysia. Beliau mengajar di Johor sebelum berhijrah ke Singapura pada 1975. Beliau berkhidmat di Sekolah Tinggi Pemerintah Bukit Panjang dari 1976 hingga 1991 apabila beliau bersara sebagai Naib Pengetua.

*Ihsan dari Sekolah Tinggi Pemerintah Bukit Panjang.*

### Terbaik daripada Kedua-dua Aliran

Saya belajar di sekolah rendah aliran Cina dan sekolah menengah aliran Inggeris di Muar, Malaysia. Apabila saya beralih daripada aliran Cina ke Inggeris, mata pelajaran seperti Sejarah, Ilmu Alam dan Sastera adalah sukar bagi saya. Saya terpaksa bergantung pada kamus Inggeris-Cina sepanjang masa untuk mencari sesuatu perkataan. Buku teks saya penuh dengan terjemahan tulisan tangan saya!

Pada lawatan pertama saya ke Sekolah Tinggi Pemerintah Bukit Panjang – sekolah gabungan yang pertama di Singapura yang terdiri daripada aliran Inggeris dan Cina – saya terus menyukai sekolah itu. Apabila saya mendengar bahasa Inggeris dan bahasa Cina digunakan, saya rasa saya berada di tempat yang betul. Sekolah ini terkenal dengan disiplinnya yang baik, dan saya mendapati guru-gurunya agak berkesan.



Sekolah Tinggi Pemerintah Bukit Panjang, s. 1970.

*Koleksi dari Sekolah Tinggi Pemerintah Bukit Panjang, ihsan dari Arkib Negara Singapura.*

### Bahan Pengajaran Saya

Saya bergantung pada papan hitam dan kapur untuk mengajar. Untuk pelajaran Ilmu Hisab, saya menggunakan segi tiga kayu, pembaris dan kompas untuk melukis gambar rajah di papan tulis. Tanpa kompas, tidak mudah untuk melukis bulatan secara bebas. Tetapi sesetengah guru yang berpengalaman selama bertahun-tahun boleh melakukannya!

Menyediakan kertas ujian boleh menyebabkan badan saya terasa sakit. Walaupun kertas dalam Bahasa Inggeris boleh ditaip, saya perlu menulis kertas ujian saya dengan tangan dalam Bahasa Cina. Saya melakukannya pada stensil kertas lilin yang diletakkan pada bingkai keluli tahan karat, sebelum meletakkan stensil tersebut ke dalam mesin ‘cyclostyle’ untuk mengeluarkan salinan secara manual.

Seringkali saya menulis sehingga larut malam, sehingga tangan saya terasa lenguh dan mata saya sakit. Kadangkala kertas stensil terkoyak semasa saya menulis, dan saya perlu bermula sekali lagi! Kita perlu berhati-hati dengan mesin ‘cyclostyle’ (jangan terlalu laju!) untuk mengelak stensil daripada terkoyak atau mesin rosak.

	<p>Perpustakaan Sekolah Tinggi Pemerintah Bukit Panjang yang pertama, 1970-an.</p> <p><i>Ihsan dari Sekolah Tinggi Pemerintah Bukit Panjang.</i></p>
---	--

#### Saya Tidak Akan Ketawakan Anda

Bagi saya, belajar adalah satu keseronokan apabila saya bersama guru-guru yang baik. Di sekolah rendah, kisah-kisah guru pada masa lalu yang telah banyak menyumbang kepada masyarakat mendorong saya untuk berusaha dan berbuat baik. Di bawah pengaruh guru saya, saya belajar nilai-nilai dan prinsip kehidupan. Saya percaya bahawa guru yang baik memberi kesan yang besar kepada kehidupan pelajar, dan saya ingin belajar daripada guru saya agar tidak mempersendakan pelajar saya.

Apabila saya belajar di Universiti Hull, saya kagum melihat profesor saya tidak pernah mentertawakan soalan saya. Apabila pelajar bertanyakan sesuatu soalan, ia menunjukkan apa yang mereka tidak faham. Oleh itu, sebarang soalan adalah betul; tiada soalan yang salah. Kita harus memberi pertimbangan yang sewajarnya kepada soalan-soalan pelajar kita, dan tanam keyakinan di hati mereka bahawa mereka boleh dipupuk, bukannya "bodoх" atau "tidak berguna".

Saya bergaul dengan baik dengan pelajar saya, dan saya memberitahu mereka bahawa saya tidak akan mempersendakan mereka. Saya percaya bahawa kesemuanya boleh diajar. Saya menggalakkan pelajar saya agar mencuba yang terbaik dalam setiap usaha, dan tidak menyalahkan sesiapa jika mereka gagal.



Gambar kelas menunjukkan rekaan pakaian seragam Sekolah Tinggi Pemerintah Bukit Panjang yang pertama, 1966.


*Ihsan dari Sekolah Tinggi Pemerintah Bukit Panjang.*

### Sesuatu yang Sukar untuk Diajar

Adalah penting untuk pelajar mendapat pendidikan yang menyeluruh. Saya membangunkan pelajar dalam aspek moral, kecerdasan, jasmani, kemahiran sosial dan estetika dengan berpandukan rangka kerja “Lima Cara Hidup”.

Saya bimbang sekolah mungkin terlalu menumpukan kepada pembangunan intelek dengan mengorbankan aspek-aspek lain seperti moral dan kemahiran sosial. Sejauh manakah pelajar sedemikian berguna kepada masyarakat kita?

Bagi saya, apa yang menjadi cabaran utama ialah dalam soal pemupukan akhlak. Bagaimanakah kita mengajar tentang nilai-nilai kehidupan? Sudah tentu, kita tidak boleh hanya mengomel or membebel kepada pelajar. Selain membaca tentang nilai-nilai kehidupan adalah satu perkara, dan mengaplikasikannya adalah perkara lain. Bagaimanakah kita dapat menilaikan kejayaan seseorang yang telah diterapkan nilai-nilai yang dipupuk? Pastinya, tidak melalui peperiksaan. Sebagai seorang pendidik, saya sering memikirkan persoalan-persoalan berikut di dalam sanubari saya.





Karnival untuk mengumpul dana bagi kemudahan baru di Sekolah Tinggi Pemerintah Bukit Panjang, 1970-an.

*Ihsan dari Sekolah Tinggi Pemerintah Bukit Panjang.*


*Diadaptasi daripada:*

*Temu bual bersama Mok Chack Eng oleh Pusat Sejarah Lisan, Arkib Negara Singapura, No. 001998, 1998.*

"A question shows what students do not understand. Any question is therefore a right one; there are no wrong questions."

"Soalan menunjukkan apa yang pelajar tidak faham. Oleh itu, mana-mana soalan adalah betul; tiada soalan yang salah."

### Barang Pameran



《代数学习指导》[Panduan Belajar Algebra] (kulit buku)  
《曲线运动万有引力》[Gerakan Bulat dan Graviti] (muka tengah)  
s. 1960-an – 1970-an

Terbitan semula dari Koleksi Pusat Warisan MOE.

Panduan belajar Matematik dan Fizik yang dipaparkan di sini ditulis untuk pelajar sekolah menengah dari aliran Cina. Sebelum pelaksanaan aliran kebangsaan bersatu pada tahun 1987, pelajar di Singapura boleh mendaftar dalam aliran vernakular di mana bahasa pengantaranya adalah Cina, Melayu atau Tamil.

## Sentuhan Interaktif




*Mesin cyclostyle*  
c. 1960-an – 1970-an

Terbitan semula dari Koleksi Pusat Warisan MOE.

Pusingkan pemegang untuk kejutan!

Sebelum mesin fotostat dicipta, cyclostyles digunakan untuk menghasilkan semula dokumen. Stensil kertas lilin akan dibalut di sekeliling dram cyclostyle. Apabila alat pemutar digerakkan dalam satu pusingan untuk memutarkan dram, dakwat akan dipaksa melalui stensil untuk mencetak di atas kertas.



Apa yang anda ingat tentang sekolah?

Lipat kertas ini di sepanjang garis putus-putus. Jemput seorang rakan untuk memilih nombor antara 1 dan 8. Kongsi respons anda kepada gesaan. Bergilir-gilir dan berseronoklah!

- 1) Bagaimanakah bunyi lagu sekolah anda? Nyanyikannya!
- 2) Manakah tempat kegemaran anda di sekolah? Kenapa?
- 3) Terangkan tentang seorang guru yang tidak dapat anda lupukan. Apakah yang tidak boleh anda lupukan tentang beliau?
- 4) Pernahkah anda menghadapi "masalah" di sekolah? Apa yang berlaku?
- 5) Apakah yang anda ingat tentang bilik darjah anda?
- 6) Apakah majlis kegemaran anda untuk diraikan di sekolah? Kenapa?
- 7) Apakah perasaan anda tentang pakaian seragam sekolah anda? Pakaian seragam sekolah mana yang anda suka?
- 8) Apakah aspek yang terbaik di sekolah dan apa pula yang tidak begitu menyeronokkan?

### **1980-an - Encik Rudolph William Mosbergen**

Saya adalah Pengetua Maktab Rendah Raffles (RJC) yang baru ditubuhkan. Sejak penubuhan sekolah kami tiga tahun lalu, kami telah berpindah kampus sebanyak dua kali dan menghadapi beberapa cabaran.

	<p>Encik Mosbergen (1929 – 2015) mula mengajar pada tahun 1955 dan berkhidmat sebagai Pengetua di beberapa sekolah menengah dari tahun 1965 dan seterusnya. Selepas berkhidmat di Ibu Pejabat MOE dan Institut Pendidikan, beliau dilantik sebagai Pengetua Maktab Rendah Raffles yang pertama dari 1982 hingga 1987.</p> <p><i>Ihsan dari Sekolah Menengah Naval Base.</i></p>
---	---

#### **Dalam Keadaan yang Rumit**

RJC bermula pada tahun 1982 dengan pendatang baharu dan pelajar serta guru sedia ada dari kelas Pra-Universiti Institusi (RI), berpindah dari kampus RI di Grange Road. Mentadbirkan sekolah adalah seperti memikul tugas yang sangat rumit. Bangunan sekolah kami di Paterson Road, dahulunya digunakan oleh Institut Pendidikan, tidak mencukupi untuk keperluan kami. Pada tahun pertama, pelajar Sains kami terpaksa berulang-alik ke RI untuk mata pelajaran praktikal Sains mereka. Anda boleh bayangkan huru-hara pada petang hari dalam hujan lebat.

Pada masa itu, kami juga mengendalikan dua sistem – sistem kuliah-tutorial dan bilik darjah – untuk melancarkan peralihan bagi kelas tahun akhir yang sedang bersiap menghadapi peperiksaan. Kami perlu menjaga kepentingan pelajar dan kakitangan kami, sambil membuat penyesuaian untuk menjadi sebuah maktab rendah.

Ini adalah tahun-tahun permulaan apabila kami kekurangan hampir segala-galanya kecuali keberanian dan keazaman untuk berjaya. Pada perhimpunan mingguan sekolah kami, saya menggalakkan pelajar, dengan memberitahu mereka bahawa saya yakin bahawa mereka akan bertahan dan mencapai kejayaan. Slogan kami ialah “Yang mustahil kita lakukan sekaligus; keajaiban mengambil sedikit masa lagi.” Ia berjaya. Kami bersatu dan mengatasi masalah dengan pantas.

Kami tidak menyangka bahawa perpindahan kali kedua akan berlaku begitu cepat. Apabila kami menerima berita bahawa RJC akan berpindah ke kampus baharu di Mount Sinai pada akhir 1983, ramai pelajar tidak berpuas hati. Mereka berasa tertekan kerana ikatan antara RJC dan RI seperti terputus, umpama seorang anak yang dipisahkan daripada ibu bapanya. Hampir kesemua mereka – seribu empat ratus keseluruhannya – menandatangani petisyen menentang tindakan itu. Menteri Negara Pendidikan, Dr Tay

Eng Soon, dan saya membuat percubaan serius untuk menjelaskan mengapa langkah itu perlu dan bermanfaat. Selepas itu, semuanya berjalan lancar di RJC.

	Maktab Rendah Raffles di tapak Paterson Road, 1982 – 1983.  <i>Ihsan dari Institusi Raffles.</i>
	Maktab Rendah Raffles di tapak Mount Sinai, 1984 – 1985.  <i>Ihsan dari Institusi Raffles.</i>
	Kakitangan dan pelajar mengangkat meja semasa perpindahan keluar dari kampus RJC di Paterson Road, 1983.  <i>Ihsan dari Institusi Raffles.</i>

### Menyahut Cabaran

Perubahan boleh menimbulkan banyak cabaran. Namun begitu, guru harus menjadi ejen perubahan. Sebagai orang yang membantu pelajar untuk belajar, guru sendiri adalah yang pertama dalam kalangan pelajar. Sebab itu saya terus berpesan kepada guru-guru agar melihat setiap tugas sebagai cabaran yang perlu ditempuh dan diatasi. Selepas itu mereka mula menyukai cabaran kerana ia memberi mereka kepuasan dan mencapai kejayaan.

Adakah saya merasa tertekan? Jika anda bertanya, saya akan mengatakan bahawa saya lebih suka perkataan "cabaran". Jika anda menghadapi cabaran, anda mengkaji, merancang dan mengatasinya. Kekecewaan hanyalah halangan sementara yang membuat kita melihat cabaran dengan lebih teliti. "Tekanan", sebaliknya, adalah disebabkan oleh diri sendiri. Mungkin sebahagian daripada tekanan yang anda rasakan adalah disebabkan oleh diri anda sendiri.

Menghadapi cabaran boleh membawa ganjaran kepada saya. Pencapaian itu bukan sahaja sesuatu yang peribadi, tetapi secara menyeluruh memberi saya kepuasan dalam pekerjaan saya.



Encik Mosbergen bermain piano sekolah, 1982 – 1983.

Beliau menulis lagu *Rafflesians Salute Your Alma Mater*, serta lagu Sekolah Menengah Naval Base, Sekolah Menengah Pasir Panjang dan Sekolah Menengah Swiss Cottage, di mana beliau juga berkhidmat sebagai Pengetua.

Ihsan dari Institusi Raffles.

### Semangat Kecemerlangan

Falsafah saya dalam mentadbirkan sekolah ialah semua pelajar perlu diberi peluang untuk meningkatkan kemampuan mereka dari segi akademik, moral dan fizikal. Pembangunan yang menyeluruh adalah sangat penting. Saya dan kakitangan saya melihat keperluan untuk menganjurkan festival seni dan drama setiap tahun supaya pelajar dapat meluahkan bakat yang ada pada diri mereka. Ia bermakna kerja, usaha dan masa tambahan, tetapi apabila konsert itu selesai dan mencapai taraf yang baik, ada perasaan puas di hati. Inilah yang saya panggil semangat kecemerlangan.

Bagaimana kita mencapai kecemerlangan? (Rephrasing this sentence for consideration: Tiada cara lain untuk mencapai kecemerlangan melainkan dengan kerja keras yang padu serta pengorbanan dan tidak rasa berputus asa. Dengan kerja keras yang padu, dan tiada cara lain. Maksudnya tidak berputus asa dan berkorban.



Adegan dari Festival Seni RJC, 1982 dan 1985.

Ihsan dari Institusi Raffles.



## Sifat-sifat Seorang Guru yang Baik

Terdapat banyak sifat yang menjadikan seseorang itu guru yang baik. Tetapi saya fikir apa yang paling penting ialah mempunyai nilai-nilai kemanusiaan – mutu penjagaan, kasih sayang, persefahaman, muh Berkongsi dengan orang ramai dan mempunyai keprihatinan yang tinggi terhadap mereka yang memerlukan. Guru menjadi contoh teladan kepada pelajar. Anda sendiri perlu memiliki sifat-sifat tersebut, dan ia menjadi bukti paling penting dalam hidup kita.

*Diadaptasi daripada:*

*Temu bual bersama Rudy (Rudolph) William Mosbergen oleh Pusat Sejarah Lisan, Arkib Negara Singapura, No. Akses 000510, 1994 – 1995.*

*Maktab Rendah Raffles, The Rafflesian 1984 – 1985.*

“Teachers should be agents of change. As the ones helping students to learn, teachers are themselves the first among learners.”

“Guru harus menjadi agen perubahan. Sebagai orang yang membantu pelajar untuk belajar, guru adalah orang yang pertama sekali senantiasa belajar dalam kalangan pelajar.”

## **Sentuhan Interaktif**



Reka bentuk dan kemudahan bangunan sekolah telah berkembang dengan ketara dari tahun-tahun 1950-an hingga hari ini.

Cubalah lakukan aktiviti melipat ini untuk mencipta semula reka bentuk sekolah rendah berbentuk H yang tipikal pada tahun 1960-an!

### **1990-an – Cik Tan Siok Cheng**

Saya adalah seorang pegawai daripada Bahagian Teknologi Pendidikan (ETD), bahagian baharu yang ditubuhkan untuk melaksanakan pelan induk pertama Singapura bagi Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) dalam pendidikan yang dilancarkan pada tahun 1997.

	<p>Cik Tan (1947 –) memulakan kerjayanya pada tahun 1970 sebagai guru Biologi di Institusi St. Joseph's (SJI). Selepas bertugas di Ibu Pejabat MOE pada 1980-an dan 1990-an, beliau berkhidmat sebagai Pengetua sebelum bersara pada 2009.</p> <p><i>Ihsan dari Sekolah Rendah Perempuan Raffles.</i></p>
---	---

#### IT dan "Bagaimana Kalau?"

Pasukan saya dalam Cawangan Latihan Teknologi Maklumat (IT) melatih guru-guru sekolah rendah untuk menerapkan IT ke dalam pelajaran sebagai nilai tambah. Kami meneroka pelbagai jenis perisian yang boleh meningkatkan pengajaran dan pembelajaran.

Sesetengah guru teragak-agak untuk menggunakan IT. Ini dapat difahami. Bagaimana jika mesin tidak berfungsi? Bagaimanakah mereka sepatutnya mengajar menggunakan IT, sedangkan mereka sendiri masih belum pasti menguasainya? Lebih-lebih lagi, pelajar kelihatan lebih baik dan lebih pantas dalam bidang IT. Itulah sebabnya sukanan pelajaran latihan kami terdiri daripada banyak penyelesaian masalah dan kemahiran pengurusan bilik darjah. Ia akan mengambil masa untuk meyakinkan guru-guru tentang nilai IT di dalam bilik darjah.

Namun begitu, saya sendiri bergelut dengan IT. Sebelum menyertai ETD pada tahun sebelumnya, saya tidak tahu pun cara untuk menghantar e-mel! Saya masih tergapai-gapai dalam bidang yang begitu baharu bagi saya. Saya terpaksa melakukan banyak perkara yang tidak pernah saya lakukan sebelum ini. Apabila saya berada di tahun kedua, saya mula tahu apa yang perlu dilakukan dan saya menikmati apa yang saya lakukan. Mengapa saya berada dalam ETD jika saya sendiri tidak mahir IT? Saya diberitahu bahawa saya berada di sini kerana saya mahir dalam pedagogi, dan perkara utama adalah untuk menjadikan IT berkesan dengan menyepakukannya ke dalam pedagogi.



Pelajaran komputer di Sekolah Victoria, 1986.

*Koleksi Kementerian Penerangan dan Kesenian, ihsan dari Arkib Negara Singapura.*

### Perkataan Minimum, Kesan Maksimum

Pedagogi adalah sesuatu yang kerap saya fikirkan. Ketika menjadi penulis pakar Biologi di Institut Pembangunan Kurikulum Singapura (CDIS) sebelum ini, saya ditugaskan untuk menulis buku teks aliran Normal (Akademik), Sains Menengah Rendah dan aliran Normal (Teknikal). Sukatan pelajaran aliran Normal adalah unik untuk Singapura; tiada bahan dari luar negara yang boleh kami buat rujukan. Saya cuba menulis semudah mungkin dan menerapkan seberapa banyak kegiatan praktikal. Setelah bertahun-tahun menjadi guru, saya sangat mengenali kandungan yang saya ajar. Saya boleh menjangkakan soalan dan masalah pelajar, dan bagaimana untuk menjadikan pembelajaran lebih mudah untuk mereka.

Apa yang berlaku di sebalik tabir dalam penulisan buku teks? Saya perlu merujuk banyak buku dan orang, mencari gambar-gambar dan melawat tempat-tempat yang berkaitan. Rakan sepasukan saya melawat ke penjara untuk bercakap dengan pegawai penjara apabila beliau menulis bab tentang dadah. Kami perlu menggunakan perkataan yang sangat spesifik untuk mengelak daripada menyinggung perasaan sesiapa. Pasukan saya menjalankan pelajaran percubaan di sekolah-sekolah untuk topik yang kami rasa mungkin bermasalah. Selepas itu, kami meneliti, menyemak dan menyunting teks berkali-kali (enam hingga lapan kali!), sebelum ia dihantar ke penerbit, di mana suntingan selanjutnya terus dibuat.

### Sentiasa Belajar, Sentiasa Berubah

Sukatan pelajaran adalah ibarat kerja yang sedang berjalan. Setiap lapan hingga sepuluh tahun, kami mengulangi proses semakan buku teks dan bahan pembelajaran untuk mengikuti perubahan zaman. Selaras dengan penyelidikan berasaskan-otak baharu tentang pelbagai kecerdasan dan bagaimana kita belajar, pasukan saya duduk dan membincangkan bagaimana bahan tersebut harus direka menggunakan pendekatan pedagogi semasa. Kami menyerapkan kemahiran proses seperti melakukan eksperimen, memerhati, menyusun dan merekod fakta, membuat kesimpulan dan komunikasi ke dalam sukatan pelajaran Sains.

### Semua yang telah Saya Lakukan Adalah Berbaloi

Saya tidak menyangka bahawa saya akan berada di Ibu Pejabat untuk sekian lama. Ketika saya mula-mula meninggalkan Institusi St. Joseph di mana saya telah mengajar selama lebih daripada sedekad untuk CDIS pada tahun 1983, saya memberitahu Pengetua

sekolah bahawa saya akan kembali. Saya sangat gembira mengajar kanak-kanak lelaki. Mereka pandai berjenaka. Saya tegas dan pelajar-pelajar saya tidak senang dengan beberapa perkara yang saya lakukan. Tetapi apabila mereka menjadi ibu bapa atau guru, mereka faham mengapa saya berbuat demikian, dan menghargai bahawa saya mengajar mereka apa yang betul dan apa yang salah. Penghargaan ini adalah apa yang saya rasa paling bererti tentang mengajar sebagai kerjaya.


	<p>Cik Tan Siok Cheng (duduk di tengah) bersama Kelas Menengah 4 beliau, 1977.</p> <p>Ihsan dari Institusi St. Joseph.</p>
---	--


*Diadaptasi daripada:*

*Temu bual bersama Tan Siok Cheng oleh Pusat Sejarah Lisan, Arkib Negara Singapura, No. Akses 003812, 2013 – 2014.*

<p><b>"Everything I've done is worth my while."</b></p>  <p>I am an officer from the Educational Technology Division (ETD), a new division set up to implement Singapore's first master plan for Information and Communication Technology (ICT) in education rolled out in 1997.</p> <p>Mrs Tan (64) started her career in 1970 as a Biology teacher in St Joseph's Institution (SI). After her MOE HQ postings in the 1980s and 1990s, she served as a Principal prior to retiring in 2001.</p> <p>Courtesy National Library Board, Singapore</p>	<p>"Semua yang saya lakukan adalah berbaloi."</p>
--	---

### **Barang-barang Pameran**

	<p><i>Chemistry (Kimia) untuk Menengah Tiga Normal (Akademik) (Kulit buku)</i>  <i>Sains – Sukatan Pelajaran Menengah Rendah untuk Kursus Normal (Teknikal) (Halaman Tengah)</i>  1996</p> <p><i>Terbitan semula Koleksi Pusat Warisan MOE.</i></p> <p>Bahan pengajaran ini telah dibangunkan oleh pasukan yang diketuai oleh Cik Tan Siok Cheng pada tahun 1990-an.</p>
---	--



### Multimedia – Skrin TV, 3 video berulang

	<p>Menemui Sains: Jaringan Kehidupan, 1969 (04:00) Kehidupan di Laut, 1980-an (03:02) Rumah Itu Syurga, 1996 (02:14)</p> <p><i>Koleksi Institut Pembangunan Kurikulum Singapura, ihsan Arkib Negara Singapura.</i></p> <p>Terokai video ini yang menunjukkan transformasi teknologi pendidikan dalam bentuk video dari tahun 1960-an hingga 1990-an!</p> <p><i>Menemui Sains: Jaringan Kehidupan</i> untuk pelajar Menengah Dua menerangkan bagaimana bentuk hidupan yang berbeza saling bergantung dan menjelaskan satu sama lain.</p> <p><i>Kehidupan di Laut</i> memperkenalkan pelajar Menengah Satu kepada organisme berbeza yang terdapat di dalam laut dan terumbu.</p> <p><i>Rumah Itu Syurga</i> atau <i>Home Sweet Home</i> ialah sebahagian daripada pelajaran Bahasa Inggeris yang dicipta untuk pelajar Menengah 4 aliran Normal (Teknikal) untuk membincangkan rasa bangga seseorang terhadap rumah mereka.</p>
--	---

## **2000-an – Puan Sharifah Masturah Shahab-Yokoyama**

Saya adalah Ketua Program di Pusat Rainbow – Sekolah Khas Balestier, dengan lebih 40 orang guru di bawah jagaan saya. Saya dan rakan sekerja mengajar pelajar berumur 7 hingga 12 tahun yang mempunyai keperluan pendidikan khas sederhana hingga teruk, seperti Gangguan Spektrum Autisme dan pelbagai kekurangan upaya.



Pada tahun 1987, Cikgu Sha (1965 – ) menyertai Sekolah Khas Margaret Drive yang baru ditubuhkan. Pada tahun 2000-an, beliau berkhidmat sebagai Ketua Guru dan kemudiannya, Ketua Program di Sekolah Khas Balestier (kini dinamakan semula sebagai Pusat Rainbow – Sekolah Yishun Park). Hari ini, beliau adalah Jurulatih Utama di Pusat Latihan dan Perundingan Rainbow, yang menumpukan kepada pembangunan guru-guru baharu, memperkasa pihak berkepentingan dan menyokong kesedaran serta keterangkuman untuk Orang Kurang Upaya.

*Ihsan dari Sharifah Masturah Shahab-Yokoyama.*

### **Rasa Kagum**

Saya telah menjadi guru Pendidikan Khas (SPED) sejak tahun 1987. Apabila saya mula-mula memberitahu ayah saya bahawa saya akan pergi temuduga di sebuah sekolah khas, dia berkata, “Ayah rasa awak belum bersedia. Hanya orang yang berani saja akan dapat mengajar dalam pendidikan khas.” Pada hari ketiga di tempat kerja, saya mengakui bahawa apa yang dikatakan ayah saya itu ada benarnya. Ia bukan satu tugas yang mudah sama sekali, kerana pelajar-pelajar kami mempunyai pelbagai keperluan dan cabaran. Mereka juga menunjukkan banyak tingkah laku yang mengganggu pembelajaran.

Sebagai pendidik SPED, kami dengan teliti melakarkan dan mereka pelan pembelajaran individu untuk setiap pelajar. Kami meneliti setiap rutin harian pelajar kami dan membangunkan kemahiran yang mereka perlukan. Komunikasi dengan pelajar kami juga diperibadikan – sesetengah pelajar menggunakan gambar, papan komunikasi atau iPad untuk mengekspresikan diri mereka. Apa yang kita ajar dan cara kita mengajar haruslah berpusatkan orang. Inilah "sains" aliran kelas SPED, dan inilah yang menjadikannya begitu inovatif, menarik dan bermakna.

Apabila saya merancang pelajaran, saya bertanya kepada diri sendiri, “Bagaimanakah saya menambah rasa ingin tahu di dalam kelas? Bagaimanakah cara saya menyuntik rasa

ingin tahu ke dalam diri pelajar – pelajar saya?” Saya sedaya upaya menerapkan unsur-unsur yang menyeronokkan untuk membuat pelajar-pelajar saya tersenyum dan mahukan lebih daripada itu. Proses ini memerlukan masa dan usaha, tetapi sangat berbaloi apabila saya dapat berhubung dengan kanak-kanak ini. Apabila saya menyuntik rasa ingin tahu dan mewujudkan rasa gembira, saya tersenyum pada penghujung hari dan tidak berasa penat atau jemu.

	<p>Mendidik pelajar menggunakan pelbagai objek semasa pelajaran secara bersemuka, 2000-an.</p> <p><i>Ihsan dari Sharifah Masturah Shahab-Yokoyama.</i></p>
---	--

	<p>Mencipta ruang yang mesra pelajar di Sekolah Khas Balestier, 2000-an.</p> <p><i>Ihsan dari Sharifah Masturah Shahab-Yokoyama.</i></p>
--	--

### Belajar Bersama Ibu Bapa

Sebagai ibu kepada tiga anak perempuan, saya mendapati diri saya belajar daripada ibu bapa pelajar saya. Kadangkala, mereka berasa tawar hati apabila membandingkan anak-anak mereka dengan murid di sekolah-sekolah aliran biasa. Tetapi ibu bapa ini menyayangi anak-anak mereka dan menghargai mereka seadanya. Saya sedar bahawa membanding-bandtingkan mereka dengan orang lain adalah pencuri kegembiraan. Saya telah belajar untuk menghargai dan meluangkan masa untuk setiap anak saya.

Kerja saya dengan keluarga pelajar-pelajar didorong oleh beberapa detik sukar apabila ibu bapa berasa buntu dan benar-benar tidak tahu apa yang perlu dilakukan. Ada kalanya saya tidak mempunyai jawapan juga, dan saya tidak malu untuk mengakuinya. Saya meminta lebih banyak masa untuk memikirkannya, dan ibu bapa pelajar saya baik hati untuk tidak menilai saya. Jika kita meluangkan masa untuk meneliti situasi yang kita hadapi, kita boleh menyelesaikan isu itu satu per satu. Ia tidak mustahil.

	<p>Detik-detik kegembiraan di dalam kelas, 2000-an.</p> <p><i>Ihsan dari Sharifah Masturah Shahab-Yokoyama.</i></p>
	<p>Menjadikan Literasi “HIDUP” melalui pesta bertema di Sekolah Khas Balestier, 2000.</p> <p><i>Ihsan dari Sharifah Masturah Shahab-Yokoyama.</i></p>

### Melawan SARS

Apabila Sindrom Pernafasan Akut Teruk (SARS) tercetus pada tahun 2003, kami terpaksa menutup sekolah kami, seperti semua sekolah lain di seluruh Singapura. Situasi yang paling mencabar dimana ibu bapa pelajar kami terpaksa menguruskan anak mereka di rumah. Duduk di rumah adalah sukar bagi pelajar kami yang menghidap autisme, kerana mereka ingin keluar, dan sudah terbiasa dengan jadual mereka pergi ke sekolah.

Pasukan saya berkumpul kerana kami tahu bahawa ibu bapa memerlukan bantuan dan pembelajaran tidak boleh berhenti. Kami menyediakan bahan pengajaran seperti kotak kasut berserta barang pembelajaran di dalamnya, dan menghantarnya kepada ibu bapa, untuk mengajar murid kemahiran seperti menyusun, mengira dan literasi. Dengan usaha yang tidak seberapa ini, kami menjadi agak kreatif.

	<p>Cikgu Sha (kiri) bersama rakan sekerjanya, menyediakan bahan pengajaran dengan mengambil kira minat khusus pelajar, untuk dihantar kepada pelajar semasa wabak SARS, 2003.</p> <p><i>Ihsan dari Sharifah Masturah Shahab-Yokoyama.</i></p>
---	---

## Pejuang untuk Pelajar

Semasa saya baru mula menjadi seorang guru, tumpuan saya hanya kepada apa yang berlaku di dalam kelas saya. Kemudian, apabila saya mula membawa pelajar saya keluar untuk aktiviti lawatan, saya perhatikan bahawa sesetengah orang mengelak daripada mereka. Keadaan ini yang menyakitkan bagi saya. Saya berfikir apa yang mendorong tingkah laku berikut sebenarnya adalah dari kurangnya maklumat dan pemahaman tentang pelajar saya. Saya kekal positif dan memulakan kerja advokasi untuk orang berkeperluan khas.

Pasukan saya menganjurkan rumah terbuka sebagai peluang untuk masyarakat berkongsi ruang dan berinteraksi dengan pelajar saya. Dengan kesedaran dan pemahaman yang lebih meluas, sesungguhnya, kita sedang menuju ke arah masyarakat yang lebih inklusif di mana pelajar kita boleh diperkasa, disertakan dan berkembang maju!

	<p>Membawa pelajar keluar menaiki MRT, 1999.</p> <p><i>Ihsan dari Sharifah Masturah Shahab-Yokoyama.</i></p>
--	--

Setiap hari, saya bangun dari tidur dengan merasa pasti bahawa saya ingin terus menyumbang sebagai guru SPED. Banyak lagi senyuman yang boleh saya bawa ke sekolah-sekolah kita. Keyakinan ini membuat saya terus bertahan di sebalik kesukaran-kesukaran yang saya hadapi.

*Diadaptasi daripada:*

*Temu bual bersama Sharifah Masturah Shahab-Yokoyama oleh Pusat Warisan MOE, 7 Jun 2024.*

<p>“Comparison is a thief of joy. I have learnt to appreciate and make time for each of my children.”</p>	<p>“Perbandingan adalah pencuri kegembiraan. Saya telah belajar untuk menghargai dan meluangkan masa untuk setiap anak saya.”</p>
---	---

## Barang-barang Pameran

	<p><i>Old MacDonald Had a Farm</i>  <i>Boneka Jari Haiwan</i>  <i>s. 2000an</i></p> <p><i>Koleksi dari Sharifah Masturah Shahab-Yokoyama</i></p> <p>Cikgu Sha menggunakan boneka jari haiwan untuk menghidupkan kisah Old MacDonald dan ladangnya, sambil membacakan secara lantang kepada pelajarnya.</p>
	<p>Alat bantu komunikasi  <i>s. 2000an</i></p> <p><i>Koleksi Sharifah Masturah Shahab-Yokoyama.</i></p> <p>Alat bantuan komunikasi yang menggunakan perkataan dan gambar untuk pelajar yang tidak mampu berbicara ini dibuat oleh Cikgu Sha. Setiap halaman mengandungi pelbagai jenis perkataan dan ilustrasi untuk pelajar menyatakan keperluan dan keinginan mereka. Untuk berkomunikasi, pelajar menampal kad berlamina pada jalur velcro. Contohnya, mesej yang disampaikan di sini ialah: Cikgu Sha, saya nak Milo.</p>
	<p>"Feeling Tone (Bentuk Perasaan) di Pusat Rainbow      Harish, Jerome, Raees dan Shahfiq  <i>s. 2000an</i></p> <p><i>Terbitan semula koleksi Pusat Rainbow.</i></p> <p>Karya seni ini dihasilkan ekoran arahan Cikgu Sha untuk melukis sebuah sekolah. Kumpulan pelajar berusia 16 tahun dari Sekolah Yishun Park Pusat Rainbow memutuskan untuk tidak membuat objek atau bangunan fizikal tetapi sebaliknya</p>

	<p>melukis emosi berbeza yang mereka rasai di sekolah.</p>
	<p><i>Sekolah Saya adalah Sebuah Taman Bahagia</i>  Lim Bing  s. 2000an</p> <p><i>Terbitan semula koleksi Sharifah Masturah Shahab-Yokoyama.</i></p> <p>Lukisan oleh pelajar berusia 7 tahun ini menggambarkan Sekolah Yishun Park sebagai sebuah taman yang indah, dan guru-gurunya – termasuk Cikgu Sha – sebagai bunga-bunga yang indah.</p>

## **2010-an – Puan Siti Raudhah Binte Haji Halimi**

Saya adalah seorang guru Bahasa Melayu di Tadika MOE (MK) @ Tampines. Walaupun saya telah berkhidmat sebagai pendidik prasekolah selama lebih dua dekad, ini adalah tahun-tahun perintis bagi kami – MK baru sahaja memulakan operasi pada tahun 2014!

	<p>Cikgu Raudhah (1968 – ) memulakan perjalannya sebagai pendidik prasekolah pada tahun 1990, berkhidmat dalam organisasi kebajikan dan Pusat Program Campur Tangan Awal bagi Bayi dan Kanak-kanak. Beliau merupakan antara guru perintis apabila Tadika MOE (MK) mula beroperasi pada tahun 2014. Hari ini, Cikgu Raudhah merupakan Guru Kanan MK di Tadika MOE @ Horizon.</p> <p><i>Ihsan Tadika MOE.</i></p>
---	---

### **Melangkah ke Dunia Kanak-kanak**

Hari saya bermula pada 7:50 pagi, apabila saya menerima kanak-kanak dan memberi salam kepada mereka. Saya melakukan pemeriksaan kesihatan dan visual dan bercakap dengan ibu bapa mereka. Adakah kanak-kanak itu kelihatan OK? Adakah sesuatu yang mengganggu mereka? Kami memerhatikan kesejahteraan fizikal dan emosi kanak-kanak ini. Mereka tahu bahawa saya seorang guru Bahasa Melayu, jadi kanak-kanak Cina dan India pun mengucapkan “Selamat pagi, Cikgu!” kepada saya dalam bahasa Melayu.

Secara intrinsik, kanak-kanak mempunyai sifat ingin tahu dan mudah gembira. Mereka sentiasa ingin tahu lebih banyak dan menikmati apa yang mereka lakukan. Saya cuba mengamalkan cara pemikiran mereka kerana saya menyokong pertumbuhan holistik mereka. Apabila mereka bermain atau mengerjakan sesuatu tugas, saya meluangkan masa untuk berinteraksi dengan mereka, menggunakan setiap peluang yang ada untuk mengajar.

Semasa saya membesar sebagai anak bongsu daripada 10 orang adik-beradik di sebuah kampung di Geylang, saya mendengar banyak cerita-cerita dongeng Melayu. Mulai itu, saya sering menceritakan semula kisah-kisah ini untuk menarik minat terhadap bahasa, budaya dan nilai-nilai Melayu. Untuk mencipta pengalaman pembelajaran yang tulen untuk kanak-kanak ini, saya menyelitkan lagu, permainan dan tarian ke dalam pelajaran Bahasa Melayu saya.

Bagi saya, pelajaran adalah umpama sehelai permaidani yang cantik ditenun secara bersama dengan menggunakan pelbagai unsur berwarna-warni untuk menarik minat kanak-kanak yang sentiasa ingin tahu, ceria dan aktif.

	<p>Mempelajari cara memasak pada masa lalu yang menggunakan dapur arang, 2015.</p> <p><i>Ihsan dari Siti Raudhah Binte Haji Halimi.</i></p>
	<p>Cikgu Raudhah bermain kompong bersama kanak-kanak, 2016.</p> <p><i>Ihsan dari Siti Raudhah Binte Haji Halimi.</i></p>

### Minggu Keajaiban

Dua kali setahun, saya dan kanak-kanak memulakan projek penyelidikan selama dua minggu semasa "Minggu Keajaiban" sekolah. Kami mulakan dengan mengumpulkan topik yang menarik minat kanak-kanak, sebelum mengundi untuk memilih topik yang paling popular untuk diusahakan. Saya ikutkan rasa ingin tahu mereka. Apabila kanak-kanak bertanya kepada saya soalan, saya berkata, "Saya juga tertanya-tanya tentang perkara ini. Mari kita selidik bersama." Kemudian, saya menggalakkan mereka untuk memerhatikan apa yang berlaku di rumah dan bercakap dengan ibu bapa mereka untuk mencari jawapannya.

Sebagai sebahagian daripada projek ini, kami mempelajari lebih lanjut tentang kompong, kemudian membuat dan menghias kompong sendiri dengan menggunakan kotak-kotak bijirin. Kami juga mengundang pemain kompong profesional untuk mengajar kanak-kanak cara bermain alat muzik tersebut. Di lain masa, saya membacakan kepada kanak-kanak sebuah buku besar berjudul Silat. Ini menarik perhatian mereka, dan mereka ingin mengetahui lebih lanjut tentang seni mempertahankan diri ini. Saya berjaya mendapatkan ahli silat untuk mengajar kanak-kanak beberapa gerakan asas. Mereka gembira, dan ada yang ingin mendaftar untuk kelas silat!

Saya sentiasa cuba mewujudkan semangat bantu-membantu dalam bilik darjah saya. Saya merujuk kepada kanak-kanak yang memerlukan bantuan tambahan sebagai "rakan pembelajaran kita". Saya menggalakkan kanak-kanak ini untuk memeluk dan membantu rakan pembelajaran kita, menggunakan kata-kata yang baik hati dan lembut untuk membantu mereka apabila diperlukan. Tiada kanak-kanak harus tertinggal. Untuk melangkah lebih jauh, kita harus berjalan bersama-sama.

	<p>Menggunakan kotak-kotak bijirin untuk membuat kompong, 2016.</p> <p><i>Ihsan dari Siti Raudhah Binte Haji Halimi.</i></p>
	<p>Seorang ahli silat mengajar kanak-kanak beberapa gerakan asas, 2015.</p> <p><i>Ihsan dari Siti Raudhah Binte Haji Halimi.</i></p>

### Kerja Keras dari Hati

Setiap tahun, saya bertemu dengan kumpulan kanak-kanak yang berlainan dan ibu bapa mereka. Peringkat awal untuk mengenali satu sama lain dan bekerjasama mungkin banyak cabarannya Tetapi cabaran seperti itu adalah sebahagian daripada kehidupan. Saya memberitahu diri sendiri agar tidak terlalu memikirkannya, tetapi melihat pada sisi positif dan tetap tabah.

Saya rasa puas apabila kanak-kanak ini berkongsi dengan ibu bapa mereka apa yang mereka pelajari di sekolah. Seorang kanak-kanak yang saya ajar menunjukkan kepada ibunya ketika mereka memasak, beliau menerangkan bahawa istilah Melayu untuk *fishball* ialah bebola ikan. Hal sebegini menunjukkan pengajaran saya memberi kesan kepada mereka.

Mengajar adalah "kerja dari hati" – ia memerlukan sentuhan hati. Tanpanya, mengajar hanyalah satu pekerjaan biasa. Sebagai guru, kita mempunyai pedoman akhlak. Kita mendidik bukan sahaja untuk menyemai ilmu pengetahuan, bahkan juga untuk berkongsi idea dan membina empati. Apa sahaja yang datang dari hati kita akan mencerminkan kata-kata indah dan tindakan yang baik.

	<p>Di luar darjah bersama pelajar-pelajar untuk belajar tentang daun pisang, 2015.</p> <p><i>Ihsan dari Siti Raudhah Binte Haji Halimi.</i></p>
---	---

*Diadaptasi daripada:*

*Temu bual bersama Siti Raudhah Binte Haji Halimi oleh Pusat Warisan MOE, 26 Jun 2024. Kementerian Pendidikan, “Meneroka budaya dan tradisi di Tadika MOE”, Beg Sekolah: Laman Berita Pendidikan, 19 Ogos 2017.*

*Agensi Pembangunan Awal Kanak-Kanak, “Melalui Lensa Bahasa”, dalam Guru Saya, Sekolah Saya, Julai – Sep 2021.*

“Teaching is “heart work”. As teachers, we have a moral compass. Whatever comes from our hearts will be very beautifully translated into words and actions.”

“Mengajar adalah “kerja dari hati”. Sebagai guru, kita mempunyai pedoman akhlak. Apa sahaja yang datang dari hati kita akan mencerminkan dengan kata-kata dan tindakan yang sangat indah”.

### **Barang Pameran**

	<p><i>Silat</i> s. 2010</p> <p><i>Koleksi Tadika MOE @Horizon.</i></p> <p>Selepas membaca buku besar ini di dalam kelas, pelajar-pelajar Cikgu Raudhah terinspirasi untuk belajar silat.</p>
--	--

## **2020-an – Encik Melvin Chan Joo Seng**

Saya seorang Guru Peneraju dalam mata pelajaran Sejarah di Sekolah Menengah Chua Chu Kang. Ini adalah tahun ke-15 saya mengajar.

	<p>Encik Melvin (1984 – ) mula mengajar di Sekolah Menengah Ping Yi pada tahun 2010, sebelum menyertai Sekolah Menengah Teck Whye pada tahun 2015. Selepas penggabungan sekolah itu pada tahun 2023, Encik Melvin kini merupakan Guru Peneraju (Sejarah) di Sekolah Menengah Chua Chu Kang.</p> <p><i>Ihsan dari Melvin Chan.</i></p>
---	---

### **Masyarakat yang Mendorong Saya Untuk Mengajar**

Mendiang ibu saya mencetuskan minat saya untuk mengajar. Semasa saya kecil, beliau mengulas tentang gaya pembelajaran yang berbeza antara saya dan adik perempuan saya. Adik saya lebih suka aktiviti ‘amali’, manakala saya suka membaca. Ibu mencadangkan saya membaca kepada adik saya, sementara adik mengajar saya cara membaiki barang. Itu membuatkan saya berfikir, "Bukankah bagus jika saya seorang guru yang tahu cara menggunakan dan menilaikan kekuatan setiap individu?" Meningkat dewasa, interaksi saya dengan guru saya serta belia di sekeliling saya – dalam erti kata lain, masyarakat saya – telah menjadi pendorong saya untuk mengajar

### **Bercakap kepada Hati**

Saya percaya bahawa semua pembelajaran bersifat sosial dan emosi. Pada permulaan setiap pelajaran, walaupun masanya suntuk, saya tidak terus memulakan dengan isi kandungan sesuatu pelajaran itu. Sebaliknya, kelas saya akan meluangkan masa dengan menggunakan kalender emoji yang kami buat sendiri untuk bercakap tentang perasaan kami. Apabila emosi kami sudah tenang, kami bersedia untuk belajar.

Pelajar saya perlu mengecap kejayaan di rumah. Saya bekerjasama dengan ibu bapa dan mengumpulkan seramai mungkin orang di sekeliling pelajar kami. Semasa Perjumpaan Ibu Bapa dan Guru, saya menggalakkan ibu bapa agar menjawab mana-mana daripada tiga soalan ini: Apakah yang hebat tentang anak anda? Apakah yang anda syukuri? Apakah pertumbuhan yang anda lihat pada anak anda?


Mungkin sukar bagi ibu bapa untuk menjawab soalan-soalan ini kerana dalam budaya Timur, kita mungkin kurang selesa untuk meluahkan penghargaan terhadap ahli keluarga kita. Tetapi dari saat ini, bagi seseorang anggota keluarga yang meluahkan isi hatinya, ia akan menjadi satu pengiktirafan yang bermakna buat mereka. Bagi sesetengah pelajar, ini adalah kali pertama mereka dipuji oleh ibu bapa mereka.

	<p>Kalendar emoji yang dibuat oleh seorang pelajar dari kelas Encik Melvin, 2020.</p> <p><i>Ihsan dari Melvin Chan.</i></p>
	<p>Encik Melvin berbual secara mendalam dengan pelajar-pelajar kelas beliau semasa Waktu Bulatan, 2023.</p> <p><i>Ihsan dari Melvin Chan.</i></p>

### Setiap Individu adalah Berharga

Saya seorang pengamal Ilmu Binaan amalan pedagogi yang meletakkan pelajar di tengah-tengah proses penyelidikan, sentiasa melibatkan mereka dalam pembinaan idea secara kolaboratif untuk mengatasi titik permulaan mereka. Penglibatan saya dalam Ilmu Binaan bermula sebagai cabaran daripada seorang pelajar. Dia menerima pendekatan itu dalam kelas-kelas pelajaran Sainsnya, dan tertanya-tanya mengapa pendekatan serupa tidak diamalkan dalam mata pelajaran Kemanusiaan. Itu membuatkan saya bersemangat. Saya segera bekerjasama dengan rakan-rakan sekerja dan beberapa profesor untuk mempelajari dan memperkenalkan pendekatan Ilmu Binaan dalam kelas saya.

Saya memerlukan beberapa pelajaran untuk mewujudkan budaya Ilmu Binaan dalam setiap kelas baharu yang saya ajar. Setelah dilaksanakan, pelajar saya mengamalkan prinsip bahawa "Setiap individu adalah berharga, setiap idea boleh diperbaiki, dan setiap pertanyaan boleh dilakukan"! Di mana sahaja mereka berada dari segi kesediaan, pelajar disertakan dan diperkasa untuk menyumbang maklum balas bagi membantu rakan mereka pertingkatkan dalam pemikiran dan penulisan.

	<p>Pendekatan Ilmu Binaan datang secara semula jadi kepada pelajar yang telah meluangkan sedikit masa di kelas Encik Melvin. Kelas Menengah 2 (2024) beliau menghiasi bilik darjah dengan menulis dan membina kisah kejayaan mereka. Format buih-dan-garisan ini mengingatkan tentang Forum Pengetahuan, sebuah aplikasi yang digunakan dalam kelas untuk pendekatan Ilmu Binaan .</p> <p><i>Ihsan dari Melvin Chan.</i></p>
---	--



Encik Melvin sedang berkongsi tentang Perbezaan Pengajaran di Peringkat Kluster dengan beberapa orang guru lain, 2022.

*Ihsan dari Melvin Chan.*

### COVID – Detik Kejayaan

Pandemik COVID menghasilkan banyak detik yang mengagumkan untuk saya. Saya menyaksikan rakan sekerja dan pelajar begitu tabah, bereksperimen dengan teknologi dan cara baharu pengajaran dan pembelajaran dalam talian. Dengan menggunakan pendekatan Ilmu Binaan, pelajar-pelajar kelas saya telah menghasilkan Diari Pemutus Litar untuk melibatkan rakan sekelas mereka dan menggalakkan perbualan semasa berada di rumah.

Apabila kami menyambung semula pelajaran secara fizikal, saya dan pelajar saya mula bekerjasama dengan rakan sejawat di Sekolah Menengah Clementi Town untuk mereka buletin Sejarah mengenai topik-topik Perang Dunia II yang menarik minat mereka. Mutu kerja pelajar saya amat mengagumkan saya. Saya juga telah mempelajari kandungan dan perspektif baharu daripada mereka!



Encik Melvin mendaftar masuk dengan pelajar-pelajar kelasnya pada hari Pembelajaran Di Rumah (HBL), 2023.

*Ihsan dari Melvin Chan.*

### Kumpulan Seangkatan yang Membuat Saya Terus Berjuang

Petikan kegemaran saya, “Saya adalah kerana diri kita”. Pada saya, ia adalah penting untuk mempunyai sengakatan masyarakat kerana ia bukan saja mencabar saya bahkan jadi pengesahan dan pendorong saya. Ia membuat saya terus bertahan dalam bidang dunia pengajaran tanpa rasa letih. Itulah keindahan sebuah masyarakat.

*Diadaptasi daripada:*

*Temu bual bersama Melvin Chan Joo Seng oleh Pusat Warisan MOE, 28 Jun 2024.  
Kementerian Pendidikan, “Idea tidak pernah putus sehingga loceng berbunyi”, Beg Sekolah: Laman Berita Pendidikan, 31 Ogos 2023.*


**"Every individual is valuable,  
every idea is improvable,  
and every inquiry is do-able."**


"Setiap individu adalah berharga, setiap idea boleh diperbaiki, dan setiap pertanyaan boleh dilaksanakan."

### **Barang-barang Pameran**

	<p><b>Dunia Dalam Perang: Kanak-kanak Perang Dunia II 2022</b></p> <p>Buletin Sejarah ini dihasilkan oleh para pelajar Encik Melvin dari Sekolah Menengah Teck Whye, dengan kerjasama Sekolah Menengah Clementi Town.</p> <p><i>Ihsan dari Melvin Chan.</i></p>
---	---

	<p><b>Kajian tentang Bulu Roma pada Wajah 2022</b></p> <p>Poster ini dicipta oleh pelajar Sekolah Menengah Teck Whye Encik Melvin untuk simposium kebangsaan Studio Reka Bentuk Bangunan Pengetahuan.</p> <p><i>Ihsan dari Melvin Chan.</i></p>
--	---

	<p><i>Diari Pemutus Litar 2020</i></p> <p>Diari ini dihasilkan oleh pelajar-pelajar dalam kelas Encik Melvin.</p> <p><i>Ihsan dari Melvin Chan.</i></p>
---	---

	<p>Surat berita kelas yang dihasilkan oleh kelas Menengah 1 Encik Melvin. 2023</p> <p><i>Ihsan dari Melvin Chan.</i></p>
--	--

## Kesimpulan

“Setiap kanak-kanak layak mendapatkan panduan dari seorang pejuang dewasa yang tidak pernah berputus asa dengan mereka.”

Rita Pierson mengenai peranan guru  
Pendidik dan kaunselor

Apa yang ada dalam hati guru?

Empati dan mengambil berat terhadap pelajar mereka. Semangat kecemerlangan yang sihat. Kreativiti dan imaginasi untuk melihat pelbagai kemungkinan. Keberanian dan ketabahan untuk menyesuaikan diri dengan perubahan dan membuat perubahan yang positif. Kerjasama dan rasa setia kawan dalam persaudaraan. Senarai ini diteruskan, seperti pengembaraan kami bersama lapan guru yang dipamerkan kami sajikan di sini, dan guru-guru di sekeliling kita.

Di sudut hati dan jati diri seorang guru ialah dedikasi yang tulen untuk memperjuangkan dan menghasilkan yang terbaik dalam setiap pelajar. Generasi demi generasi guru telah bekerjasama untuk kekal setia dalam misi ini, dan kami tabik kepada mereka.

Tuliskan sebuah mesej kepada seorang guru yang telah menyentuh hati anda. Apakah perbezaan yang telah beliau buat dalam hidup anda?

Pameran ini disampaikan oleh:



Untuk maklumat lanjut, ikuti @moeheritagecentre di media sosial dan imbas kod QR di bawah:



<https://go.gov.sg/hoat>

## **Penghargaan**

Pusat Warisan MOE ingin merakamkan penghargaan kami kepada:

Melvin Chan Joo Seng  
Nanda Bandara  
Sharifah Masturah Shahab-Yokoyama  
Siti Raudhah Binte Haji Halimi  
Tan Siok Cheng

Sekolah Menengah Pemerintah Bukit Panjang  
Sekolah Menengah Chua Chu Kang  
Sekolah Perempuan Haig  
Tadika MOE @ Horizon  
Arkib Negara Singapura  
Lembaga Perpustakaan Negara  
Cawangan Pendidikan Prasekolah, MOE  
Sekolah Rendah Perempuan Raffles  
Institusi Raffles  
Pusat Pelangi  
Cawangan Pendidikan Khas, MOE  
Institusi St Joseph

Jika anda mempunyai maklumat lanjut berkaitan pameran ini, sila hubungi Pusat Warisan MOE.

Untuk sebarang maklum balas mengenai terjemahan ini, sila hubungi Pusat Warisan MOE di [moe\\_heritage\\_centre@moe.gov.sg](mailto:moe_heritage_centre@moe.gov.sg). Terima Kasih.